



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN
TRANSFORMASI AIR

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR
TIMBALAN MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN
TRANSFORMASI AIR**

SEMPENA

**PROGRAM PENINGKATAN LITERASI TARIF ELEKTRIK
UNTUK PEGAWAI KOMUNIKASI KEMENTERIAN**

MARRIOTT HOTEL, PUTRAJAYA

22 SEPTEMBER 2025 (ISNIN)

9.00 PAGI

SALUTASI

Yang Berbahagia Datuk Ir. Ts. Shamsul bin Ahmad

Chief Regulatory & Stakeholder Management Officer

Tenaga Nasional Berhad (TNB);

Yang Berusaha Pn. Marlinda binti Mohd Rosli

Pengarah Jabatan Kawal Selia Ekonomi

Suruhanjaya Tenaga;

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian/ Jabatan dan Agensi;

Para penceramah;

Saudara dan saudara yang saya hormati sekalian.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia Madani.

1. Syukur Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam **Program Peningkatan Literasi Tarif Elektrik untuk Pegawai - Pegawai Komunikasi Kementerian**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada penganjur utama iaitu Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) serta Tenaga Nasional Berhad (TNB), dengan sokongan agensiagensi strategik di bawah Malaysia Energy Literacy Programme (MELP) iaitu Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Sustainable Energy Development Authority (SEDA), atas kerjasama menganjurkan program yang penting ini.
3. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai komunikasi Kementerian yang hadir. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan komitmen untuk meningkatkan kefahaman dan menyampaikan maklumat tarif elektrik secara tepat kepada masyarakat.

LATAR BELAKANG DAN KEPENTINGAN LITERASI TARIF

Hadirin yang dihormati,

4. Mulai 1 Julai 2025, Kerajaan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah memperkenalkan jadual elektrik baharu dengan penambahbaikan kepada struktur sebelum ini berdasarkan empat prinsip utama iaitu:
 - penetapan tarif yang telus;
 - struktur tarif yang mencerminkan kos pembekalan sebenar;
 - pengagihan kos yang adil dan saksama kepada semua pengguna; dan
 - impak perubahan yang minimum kepada pengguna domestik.
5. Struktur tarif baharu ini juga telah memperkenalkan beberapa ciri baharu yang lebih adil, telus dan mampan, antaranya:
 - Bil Elektrik Terperinci (Itemised Bill) yang lebih jelas dan mudah difahami;
 - Insentif Cekap Tenaga bagi menggalakkan penjimatan tenaga;
 - Skim Masa Penggunaan (Time-of-Use, ToU) untuk pengguna domestik dan bukan domestik voltan rendah; dan
 - Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Automatik (AFA), iaitu kaedah penentuan kos bahan api yang lebih tepat berdasarkan unjuran pasaran semasa, menggantikan Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT).
6. Seperti yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri pada sesi bersama warga kerja Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada

penghujung Julai yang lalu, beliau mengingatkan semua penjawat awam supaya menjadi duta yang berupaya menerangkan isu tarif kepada orang ramai.

7. Namun begitu, analisis menunjukkan tahap kefahaman masyarakat masih perlu dipertingkatkan. Sebagai contoh, tinjauan yang dijalankan semasa PETRA melaksanakan sesi pembelajaran kecekapan tenaga di premis kerajaan pada 28 Julai lalu, peningkatan kefahaman peserta hanya mencapai 53.5% selepas penjelasan diberikan. Hal ini menunjukkan usaha literasi tarif mesti diteruskan secara konsisten dan lebih kreatif.

PERANAN PEGAWAI KOMUNIKASI KEMENTERIAN

Saudara-saudari sekalian,

8. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan amat penting kerana ilmu yang diperoleh tidak boleh terhenti di sini sahaja. Kita semua bertanggungjawab menyampaikan semula maklumat tarif yang betul kepada warga kementerian, kakitangan di agensi serta masyarakat umum.
9. Apabila maklumat yang tepat dikongsi, rakyat akan lebih memahami bahawa tarif elektrik ditentukan melalui proses yang telus, adil dan berstruktur. Kefahaman ini bukan sahaja mengelakkan salah tanggapan, malah membina keyakinan bahawa tarif elektrik ialah instrumen untuk menjamin bekalan yang boleh dipercayai, mampu milik dan lestari.

10. Justeru, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan untuk menjadi “tariff communicator” yang bukan sekadar memahami, tetapi juga menyampaikan ilmu tarif dengan yakin, mudah difahami dan penuh tanggungjawab.
11. Sebagai pegawai komunikasi, tuan-tuan dan puan-puan merupakan barisan hadapan bagi penerangan tarif. Kefahaman yang betul akan membolehkan tuan-tuan/ puan-puan hadirin sekalian dapat menyampaikan maklumat tepat kepada warga kementerian, menyalurkan pengetahuan kepada keluarga, komuniti dan masyarakat umum serta meningkatkan tahap kefahaman rakyat.
12. Sehubungan itu, inisiatif yang dilaksanakan pada hari ini, bukan sekadar untuk memahami nombor atau formula tarif, malah adalah lebih penting supaya kita belajar cara menerangkan tarif dalam bahasa yang mudah, jelas dan meyakinkan. Peranan tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja menjadi duta literasi tenaga di kementerian, malah pemacu kejayaan MELP di peringkat komuniti dan keluarga.
13. **Baru-baru ini, PETRA dan TNB juga telah melaksanakan Kempen Keselamatan Elektrik untuk Orang Awam di Bota, Perak pada 3 September yang lalu.** Ini menunjukkan bahawa peranan pegawai komunikasi bukan terhad kepada tarif sahaja, tetapi juga merangkumi aspek lain seperti keselamatan elektrik. Oleh itu, kerjasama erat daripada semua pihak amat diperlukan supaya mesej-mesej penting ini sampai kepada rakyat.

SOKONGAN MELALUI MALAYSIA ENERGY LITERACY PROGRAMME (MELP)

Hadirin yang saya kasihi,

14. Inisiatif MELP yang dimulakan oleh TNB pada penghujung 2020 kini telah diangkat sebagai program nasional yang diterajui oleh PETRA. Saya, selaku Pengerusi dan Penaung MELP, bersama-sama ahli lain seperti rakan-rakan PETRA, TNB, ST, SEDA, MyPower, Yayasan Hijau Malaysia (YHM), Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), NUR Power, CGN Edra dan Malakoff, telah menggerakkan pelbagai inisiatif literasi demi manfaat rakyat. Program literasi pada hari ini juga merupakan salah satu usaha di bawah MELP.
15. MELP memberi tumpuan kepada enam skop utama, meliputi pengenalan tenaga, rantai nilai tenaga, tarif elektrik, tingkah laku tenaga, peralihan tenaga, dan keselamatan elektrik, dengan objektif bagi memperkukuh kefahaman serta amalan rakyat dalam penggunaan tenaga.
16. Sehingga kini, tujuh siri pembelajaran telah dilaksanakan, meliputi topik seperti Kecekapan Tenaga, Keselamatan Elektrik, Kenderaan Elektrik, Kemampanan dan Kelestarian. Selepas ini lebih dari 15 siri pembelajaran akan diteruskan untuk topik-topik lain mengenai tenaga.

17. Sesi pembelajaran MELP telah melibatkan peserta yang lebih meluas merangkumi pegawai kerajaan, komuniti, pekebun, pesawah, nelayan, pelajar sekolah, pelajar IPT dan pemimpin masyarakat, menandakan kejayaan program ini dalam memperkukuh literasi tenaga secara berterusan di seluruh negara. Baru-baru ini juga, YAB Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri PETRA telah melancarkan laman sesawang rasmi MELP. Kita harapkan agar laman sesawang ini akan digunakan secara meluas oleh setiap lapisan masyarakat untuk meningkatkan kefahaman terhadap perkara berkaitan tenaga. Tuan-tuan dan puan-puan juga boleh merujuk laman sesawang ini untuk mendapatkan maklumat lanjut dan sahih mengenai tenaga dan tarif elektrik. Selain itu, orang ramai boleh juga merujuk portal rasmi myTNB bagi maklumat terperinci berkaitan tarif elektrik.

MANFAAT SESI LITERASI TARIF

18. Sesi literasi tarif ini membawa pelbagai manfaat kepada semua peserta. Pertama, ia memperkukuh pengetahuan pegawai komunikasi sebagai sumber rujukan utama dalam hal ehwal tarif elektrik. Kedua, ia menyokong aspirasi YAB Perdana Menteri agar penjawat awam menjadi jurucakap yang berkesan dan diyakini rakyat.
19. Sesi ini memberi peluang kepada pegawai kerajaan untuk berkongsi maklumat tepat dengan rakan sekerja, keluarga, dan komuniti. Melalui siri pembelajaran berimpak tinggi seperti ini, kita dapat mendorong perubahan tingkah laku dalam penggunaan tenaga.

20. Peserta juga akan terlibat dalam sesi perbincangan interaktif mengenai Bil Elektrik Terperinci, Skim Masa Penggunaan (ToU), Insentif Cekap Tenaga, serta Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Automatik (AFA). Semua ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman, malah membolehkan peserta mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian dan menyampaikan pengetahuan tersebut kepada masyarakat.
21. **Bagi memastikan keberkesanan program ini, selepas sebulan, satu tinjauan atau pengukuran kefahaman akan dilaksanakan kepada semua pegawai komunikasi Kementerian.** Hasil dapatan ini akan membantu kita menilai sejauh mana keberkesanan sesi hari ini dan di mana ruang yang boleh diperkukuhkan lagi.

HARAPAN DAN PESANAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

22. Saya berharap semua peserta dapat menyebarkan ilmu tarif kepada warga kerja kementerian masing-masing. Untuk itu, setiap peserta akan menerima dek pembentangan dan infografik bagi memudahkan perkongsian maklumat secara ringkas, jelas dan berkesan.
23. Ingatlah, setiap mesej yang kita sampaikan akan memberi kesan besar. Dengan maklumat yang tepat, rakyat akan lebih yakin bahawa tarif elektrik bukanlah beban, tetapi instrumen penting untuk memastikan bekalan elektrik negara kekal boleh dipercayai, mampu milik dan lestari.

24. Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa setiap penjawat awam mesti menjadi “tariff communicator” di kementerian masing-masing – bukan sahaja memahami, tetapi juga menyampaikan maklumat tarif dengan bahasa yang mudah, penuh keyakinan dan tanggungjawab.

Penutup

25. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang menjayakan sesi ini, khususnya Tenaga Nasional Berhad (TNB) atas peranan penting sebagai penganjur bersama.
26. Dengan semangat kekitaan, marilah kita semua menjadi duta MELP – menjelas, mendidik dan meyakinkan rakyat dengan fakta yang tepat. Semoga sesi hari ini menjadi titik permulaan kepada masyarakat yang lebih celik tenaga, bertanggungjawab dan yakin terhadap masa depan sistem tenaga negara.

Sekian, *wabilahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.